

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 25.04.2025 MASA: 12.00PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SEMPENA
*SUNGAI PERAI NATURE WALK 2025***

TARIKH / MASA / TEMPAT
27 APRIL 2025 (AHAD)
7.00 PAGI

**JETI NELAYAN KAMPUNG TERUS, PENANTI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman

Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap Pengarah Program Sungai Perai Nature Walk 2025

Yang Berusaha PgKB II Tuan Azhar Bin Hamat

Penguasa Kanan Bomba II

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam program ***Sungai Perai Nature Walk 2025.***
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Oriental Global Event Management** serta **MPKK Kampung Terus** di atas sokongan dan komitmen dalam menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua peserta dan warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran perjalanan program kita hari ini.
3. Program ini merupakan antara inisiatif utama MBSP di bawah kerangka **Program Pembangunan Lestari** yang bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pemeliharaan serta pemuliharaan sungai. ***Sungai Perai Nature Walk 2025***, yang merupakan penganjuran kali

ke-lima sejak tahun 2018, bukan sekadar aktiviti rekreasi semata-mata, tetapi satu platform pendidikan, pengaktifan komuniti dan pengupayaan masyarakat (*community empowerment*) yang memperkuuh kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat.

4. Berasaskan pendekatan ***activation, education*** dan ***awareness***, program ini berperanan mempertingkatkan kefahaman masyarakat terhadap tanggungjawab kolektif dalam memelihara sungai sebagai khazanah semula jadi yang amat berharga.
5. Untuk makluman hadirin sekalian, lebih **650 orang peserta daripada pelbagai lapisan umur** mengambil bahagian dalam program ini. Mereka akan memulakan perjalanan santai dari **Jeti Nelayan Kampung Terus, Penanti, Seberang Perai Tengah**, menyusuri laluan indah menuju ke **Mee Udang Sri Tambang, Sungai Dua, Seberang Perai Utara**, sebelum berpatah balik ke garisan penamat di lokasi permulaan. Sepanjang laluan sejauh **6.6 kilometer** ini, para peserta akan disajikan dengan pemandangan sawah padi yang menghijau, kawasan ternakan lembu serta eksplorasi keindahan flora dan fauna semula jadi yang menjadi kekayaan warisan alam Seberang Perai.
6. Saya amat yakin bahawa program seperti ini dapat memberi impak positif dalam membentuk komuniti yang lebih cakna alam sekitar serta

menanam semangat tanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap menjagaan kebersihan dan kelestarian sungai. **Sungai Perai**, sebagai salah satu mercu tanda penting di Seberang Perai, memiliki potensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan baharu yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

7. Harapan saya agar program seperti ini akan terus diperluas dan diperkasa agar manfaatnya dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Inisiatif ini amat selari dengan aspirasi **Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara**, sekaligus memperkuuh identiti Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang lestari, inklusif dan progresif.
8. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Kepada para peserta, selamat menjalani aktiviti dengan semangat ceria dan penuh keinsafan terhadap pentingnya kita menjaga alam sekitar. Hayatilah keindahan yang dianugerahkan kepada kita, dan semaikanlah rasa cinta kepada bumi yang menjadi warisan untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***